

14/06/1999

RM5j dalam dua hari (HL)

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Ahad - Amanah Saham Nasional 2 (ASN2) berjaya menarik langganan sebanyak 5 juta unit bernilai RM5 juta dalam tempoh dua hari kaunternya dibuka untuk tawaran pada Khamis dan Jumaat lalu.

Ketua Eksekutif Kumpulan Permodalan Nasional Bhd (PNB), Hamad Kama Piah Che Othman, berkata sambutan itu amat menggalakkan meskipun ASN2 masih di peringkat awal pelancaran dan belum dilancarkan di peringkat negeri.

Sehubungan itu, beliau yakin ASN2 yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Rabu lalu, dapat menarik langganan melebihi 1 bilion unit atau bernilai RM1 bilion dalam tempoh tawaran sehingga 30 September ini.

"Dalam tempoh tawaran, saya percaya kita akan mencapai lebih RM1 bilion dan jumlah yang banyak nanti (pelabur dalam ASN2) adalah pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas upacara penutup Minggu Pelaburan Bersama PNB di sini, hari ini, yang disempurnakan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

ASN2, dana amanah saham kelima yang diperkenalkan PNB dengan saiz dana 2.5 bilion unit, dijual pada harga RM1 seunit dalam tempoh tawaran. Pelabur akan menerima insentif tambahan 20 unit secara percuma bagi setiap langganan 1,000 unit mulai Khamis lalu sehingga 30 September ini.

Pelabur yang membuat pelaburan dalam ASN2 di antara 1 Oktober hingga 31 Disember ini tidak layak menerima unit percuma tetapi masih boleh membeli pada RM1 seunit dan mulai 1 Januari 2000, harganya akan ditentukan oleh pasaran.

Dana amanah saham terbaru ini terbuka kepada Bumiputera yang berumur 18 tahun ke atas dan pencarum KWSP boleh mengeluarkan simpanan untuk melabur dalam ASN2.

Dianggarkan, lebih 230,000 pencarum KWSP layak mengeluarkan sebahagian simpanan untuk dilaburkan dalam saham amanah. Bagaimanapun, jumlah yang layak melabur dalam ASN2 belum dapat dipastikan kerana dana terbaru itu hanya khusus untuk Bumiputera.

Hamad Kama Piah berkata, sambutan amat menggalakkan sehingga mencecah jualan 5 juta unit pada dua hari pertama menunjukkan keyakinan orang ramai terhadap PNB, malah kaunternya turut menerima banyak pertanyaan.

Katanya, pencarum KWSP dijangka menjadi antara pelabur terbesar dalam ASN2 kerana dana amanah lain yang diuruskan PNB tidak membenarkan pelaburan melalui caruman KWSP.

Beliau juga berharap pelabur Bumiputera yang sudah mencapai tahap maksimum 200,000 unit dalam ASN, merebut peluang untuk melabur dalam ASN2 yang membenarkan pelaburan maksimum sehingga 500,000 unit.

Hamad Kama Piah berkata, orang ramai tidak perlu bimbang mengenai harga ASN2 selepas ditentukan di pasaran kerana pulangan dalam pelaburan saham amanah adalah baik.

Menurut beliau, pelabur ASN, iaitu saham amanah pertama dilancarkan PNB pada 1981, sebenarnya meraih pulangan melebihi 10 peratus hasil dividen.

Katanya, PNB juga akan membuat pelaburan daripada ASN2 di dalam syarikat terbaik supaya pelabur mendapat pulangan terbaik.

Mengenai kemungkinan PNB akan memperkenalkan satu lagi skim amanah saham bagi membolehkan bukan Bumiputera menyertainya, beliau berkata, pihaknya sedang mengkaji perkara itu berikutan sambutan menggalakkan pelabur bukan Bumiputera terhadap skim Amanah Saham Wawasan 2020 (ASW 2020) yang

dilancarkan pada 1996.

"Kami sedang mengkaji kemungkinan ini pada masa akan datang dengan mengkhususkan kepada pasaran tertentu. Misalnya, kita boleh mengadakan skim yang membolehkan bukan Bumiputera berumur 30 tahun ke atas menyertainya.

ASW 2020 adalah saham amanah pertama diperkenalkan PNB untuk semua rakyat Malaysia berumur 12 hingga 29 tahun. Sehingga 30 April lalu, 840,000 pelabur sudah membeli 1.8 bilion unit daripada 3 bilion unit yang ditawarkan.

Daripada jumlah itu, pelabur bukan Bumiputera memegang 1.46 bilion unit atau 99.9 peratus daripada jumlah unit yang ditawarkan untuk bukan Bumiputera.

"Ini satu jumlah yang amat besar. Saya benar-benar menghargainya kerana bukan Bumiputera kini menaruh kepercayaan kepada pengurus Bumiputera untuk menguruskan dana mereka," katanya.

(END)